

## Kesejahteraan mental guru, asas keberkesanan pendidikan

**Tanjong Malim, 15 Mei** - Kesejahteraan mental dan emosi guru sebagai asas penting dalam memastikan keberkesanan pendidikan dan pembentukan generasi masa depan yang sejahtera dan berdaya saing. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Dr Suriani Abu Bakar berkata guru yang sihat dari segi mental dan emosi mampu memberi tumpuan penuh dalam pengajaran, sekali gus melahirkan pelajar yang cemerlang secara akademik dan seimbang dari segi emosi serta sahsiah.

"Guru yang bahagia akan dapat melahirkan murid yang sejahtera. Justeru, usaha untuk memperkasakan kebajikan guru akan diteruskan melalui program sokongan psikososial dan pembangunan profesionalisme berterusan," katanya. Beliau berkata guru bukan sekadar sebagai penyampai ilmu, malah sebagai pembimbing jiwa, pencetus inspirasi dan agen perubahan dalam masyarakat, malah ibarat pelita yang tidak pernah padam, menyuluh lorong kehidupan anak-anak bangsa, menjadi pendorong dan pembimbing ke arah kemenjadian yang cemerlang. Beliau berucap ketika menyempurnakan Majlis Anugerah Inspirasi Pendidikan sempena Sambutan Hari Guru peringkat UPSI 2025 yang bertemakan 'Guru Inspirasi Cerminan Masa Depan' di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI, semalam. "UPSI yang melahirkan graduan pendidikan terus komited untuk mendukung peranan guru dalam era pasca-pandemik dan cabaran pendidikan semasa.

Menurut Prof. Dr Suriani, UPSI mengangkat prinsip 'humanizing education' atau pendidikan yang memanusiakan manusia, yang menekankan nilai empati, keterangkuman, integriti dan kesejahteraan dalam sistem pendidikan yang perlu menjadi tunjang dalam pembentukan guru masa kini agar dapat melaksanakan peranan mereka dengan lebih berkesan dan bermakna. "Sebagai universiti pendidikan utama negara, kami memperjuangkan dan menjunjung prinsip 'humanizing education', menjadikan pendidikan sebagai satu proses memanusiakan manusia. Ini melibatkan

bukan sahaja ilmu pengetahuan, tetapi pemupukan nilai dan kesejahteraan emosi.

Sehubungan itu, UPSI menubuhkan 'Intervention and Therapy Centre (InTact)' yang menawarkan perkhidmatan terapi cara kerja dan psikologi klinikal kepada kanak-kanak dan remaja yang menghadapi isu seperti autisme, gangguan hiperaktif (ADHD), kebimbangan, kemurungan dan penolakan ke sekolah (school refusal). "Kami percaya kesejahteraan bukan hanya milik murid, tetapi bermula daripada gurunya. Maka intervensi perlu dilihat secara menyeluruh, bukan hanya rawatan selepas krisis, tetapi pencegahan awal dan pemupukan sokongan sepanjang hayat. Selain itu, UPSI juga menubuhkan Pusat Kajian Inklusif bagi Komuniti dan Orang Kurang Upaya (CIRCLE) yang memberi fokus kepada pendekatan penjagaan dan pendidikan inklusif untuk memberi latihan kepada membantu guru-guru yang berkhidmat dengan komuniti berkeperluan khas.

Prof. Dr Suriani turut mengumumkan kerjasama strategik antara UPSI dan Maybank dalam memperkuuh pendidikan inklusif dan kesejahteraan komuniti melalui program biasiswa, sumbangan peralatan digital, sokongan kepada pusat penjagaan, serta transformasi program Pemulihian Dalam Komuniti (PDK) luar bandar.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## Program Counselor on Wheels Siri 1: Santuni Komuniti di Pasar Tani Tanjung Malim

**Tanjong Malim, 16 Mei** - program Counselor on Wheels: Santuni Komuniti Siri 1 anjuran Pusat Kaunseling UPSI dan Majlis Daerah Tanjong Malim dengan kerjasama Bahagian Pengangkutan UPSI dan Persatuan Psychological First Aid Team UPSI (PFA) telah berlangsung dengan jayanya di Pasar Tani Tanjong Malim. Program ini diadakan dari jam 8:00 pagi hingga 11:00 pagi dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada komuniti setempat.

Program ini bertujuan untuk memperkenalkan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan keunikan bas pendidikan UPSI kepada komuniti setempat serta komuniti yang datang ke Pasar Tani. Tema yang dibawa berkaitan "Mental Health" adalah bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental dalam kalangan komuniti terutamanya di kawasan Tanjong Malim. Justeru itu, ianya juga mengasah keyakinan dan keupayaan mahasiswa UPSI yang menjadi sukarelawan dalam menyantuni masyarakat. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Pengarah Pusat Kaunseling UPSI,

Dr. Nurul Hasyimah Mat Rani dan pegawai Pusat Kaunseling yang lain. Mereka membantu dalam menyantuni komuniti Tanjong Malim dan peniaga-peniaga di pasar tani.

Antara sorotan menarik sepanjang program ini termasuklah pameran di dalam bas pendidikan UPSI yang berjaya menarik perhatian ramai pengunjung. Ramai dalam kalangan mereka meluahkan keterangan terhadap kandungan pameran yang bukan sahaja unik, malah memberi informasi baharu berkaitan kesedaran dan penjagaan kesihatan mental. Ujian saringan kesihatan mental yang dijalankan oleh ahli PFA UPSI turut mendapat sambutan menggalakkan dan ia menjadi medan terbaik kepada komuniti untuk memahami tahap kesihatan mental mereka dengan lebih jelas.

Anggaran kehadiran seramai 100 orang peserta daripada komuniti Tanjong Malim menunjukkan minat mendalam masyarakat terhadap usaha mendekati isu kesihatan mental melalui pendekatan bersemuka dan interaktif ini.

## InspiraSTEM Madani Bukti Kesungguhan Persatuan Mahasiswa Sains dalam Merakyatkan Stem Bersama Komuniti Semai di Sungkai

**Sungkai, 14 Mei** - Sekolah Kebangsaan Jernang (K9) yang semua muridnya Orang Asli beretnik Semai telah menjadi lokasi pilihan Persatuan Mahasiswa Sains (PMS), Fakulti Sains dan Matematik (FSM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk menganjurkan sebuah program iaitu InspiraSTEM Madani: Jalinan Ilmu dan Inspirasi Komuniti Orang Asli yang berfokus kepada pemindahan ilmu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Program yang melibatkan sukarelawan yang terdiri daripada seorang pensyarah, 29 orang ahli PMS bersama 101 orang murid SK Jernang (K9) ini telah mendapat sokongan daripada

Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) dan FSM dalam merealisasikan usaha merakyatkan sains selari dengan dasar Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini.

Frasa "JERJAR" yang membawa maksud "berlari ("Jar" dalam Bahasa Semai) ke arah kecemerlangan" diguna pakai oleh warga sekolah tersebut dalam mencapai kecemerlangan dalam apa jua bidang sekalipun termasuklah dalam bidang akademik dan STEM ini. Maka, penganjuran program ini adalah bertepatan dengan dasar dan hasrat sekolah ini.



## Projek Pemindahan Ilmu (KTP) - Memanfaatkan Kecerdasan Buatan dalam Amalan Guaman: Program Perlindungan Data dan Pematuhan Privasi untuk Peguam di Firma Guaman Selangor

Projek KTP ini bertujuan melengkapkan profesional undang-undang di firma guaman Selangor dengan pengetahuan dan kemahiran penting untuk mengintegrasikan kecerdasan buatan (AI) dalam amalan undang-undang sambil memastikan pematuhan terhadap peraturan perlindungan data. Projek turut memberi tumpuan kepada penggunaan AI dalam pematuhan privasi, pengurusan risiko dan pertimbangan etika di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010 dan Peraturan Perlindungan Data Umum (GDPR).

### Ilmu yang Berjaya dipindahkan:

1. Peguam yang menyertai program ini akan memperoleh kemahiran dan pengetahuan penting mengenai penggunaan AI untuk pematuhan perlindungan data dan privasi.
2. Dengan menguasai kecekapan ini, peguam dapat mengaplikasikan ilmu secara bijak dalam membuat keputusan

yang melindungi kepentingan klien sambil mematuhi peraturan yang sentiasa berubah.

### 3.

Program ini bertujuan membekalkan peguam dengan kemahiran penting untuk mengurus pematuhan privasi dan perlindungan data menggunakan AI, seperti mendidik remaja tentang amalan pengguna bijak. Peserta akan belajar menggunakan alat AI secara berkesan, membuat keputusan termaklum dan memastikan pematuhan kepada PDPA Malaysia serta piawaian global seperti GDPR.

### Hasil Akhir kepada Industri:

Program ini melatih peguam menggunakan AI untuk perlindungan data, meningkatkan kemahiran pematuhan PDPA dan memperkuuh integriti profesional sebagai penasihat yang dipercayai dalam era digital.

### Hasil Akhir Kepada Pembangunan Insan:

Program ini memberi pengiktirafan kepada pengendali, memperkasa ilmu jangka pendek dan panjang untuk peserta serta penyelia dan meningkatkan kemahiran perundingan serta penyampaian ilmu pengendali program.

Pulangan Akhir kepada UA :

Pengiktirafan program kukuhkan reputasi UPSI, meningkatkan kepercayaan, kebolehpasaran graduan, menggalakkan kerjasama strategik dan kepimpinan pendidikan.

**Isu/ Cabaran Projek:**  
Rintangan perubahan, kekangan masa, kurang piawaian, halangan teknologi dan kurang sokongan kepimpinan jejakkan keberkesanan dan pematuhan AI.

Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama :


Dr Sasliha Kamaruddin – FPE (Ketua)  
Puan Azita Yonus@ Ahmad - FPE  
Nadia Nabila Mohd Saufi (MSU)  
Mohd Bahrin Othman (UITM)



Kejohanan Sukan SUKSIS Zon Utara Edisi ke-13 (SUTRA)



Program The Trophy: The Road To Outstanding Public Speaking For Hopeful Youth



UPSI Komited Terhadap Pembangunan Sahsiah, Kepimpinan Belia



Majlis Sambutan Hari Penjara Malaysia ke - 235